

## PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

HALIZA A. SHUKOR

[hliza@usim.edu.my](mailto:hliza@usim.edu.my)

Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

### ABSTRAK

Covid-19 yang diisytiharkan sebagai wabak oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada bulan Mac 2020 telah menyebabkan kesan ekonomi dan sosial secara global. Akibatnya, perniagaan terpaksa ditutup untuk jangka waktu tertentu sehingga penyebaran Covid-19 dapat dikendalikan. Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 18 Mac 2020 menyaksikan penutupan hampir semua sektor perniagaan. Ia kemudiannya diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang berakhir pada 9 Jun 2020 dan perniagaan mula dibuka secara beransur-ansur setelah pengumuman pemerintah mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (Fasa Pemulihan) pada 10 Jun 2020. Dalam memastikan kelangsungan bekalan barang keperluan dan perkhidmatan untuk rakyat, telah wujud desas desus agar pesaing industri menjalinkan kerjasama di antara mereka walaupun perbuatan ini merupakan satu pelanggaran terhadap Akta Persaingan 2010. Oleh yang demikian, telah timbul persoalan sama ada pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan memberikan kelonggaran dari segi penguatkuasaan undang-undang terhadap sektor perniagaan dalam musim pandemik Covid-19. Justeru, kertas kerja ini akan mengenalpasti dan menerangkan tentang kedudukan Undang-Undang Persaingan di Malaysia sebelum dan semasa pandemik Covid-19. Bagi mencapai objektif tersebut, kaedah kepustakaan dijalankan dengan menganalisis Akta Persaingan 2010, kes-kes yang telah diputuskan oleh MyCC berkaitan pelanggaran Akta Persaingan 2010, laporan-laporan yang dikeluarkan oleh badan-badan yang terlibat dengan pelaksanaan Undang-Undang Persaingan seperti Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan MyCC di samping buku-buku teks dan jurnal. Hasil kajian mendapati bahawa Undang-Undang Persaingan masih dilaksana dan dikuatkuasa seperti biasa mengikut peruntukan Akta Persaingan 2010 walaupun semasa pandemik Covid-19.

**Kata Kunci:** Malaysia, Undang-Undang Persaingan, Akta Persaingan 2010, Covid-19, perintah kawalan pergerakan.

### 1. Pendahuluan

Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan Covid-19 sebagai wabak disebabkan oleh peningkatan kes penyakit koronavirus di seluruh dunia (<https://www.who.int/director-general>). Natiujahnya, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 untuk menangani peningkatan kes Covid-19. Keputusan yang diambil oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin selaras dengan peruntukkan yang terkandung di dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 344). Semasa PKP, aktiviti yang dijalankan oleh sektor komersial dan bukan komersial ditangguhkan, menyaksikan penutupan hampir semua sektor perniagaan dengan hanya kegiatan perniagaan yang bersifat perkhidmatan penting negara (*essential service*) seperti air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan yang dibenarkan beroperasi dengan pemantauan ketat oleh pihak berwajib dan mematuhi undang-

undang yang ditentukan (<https://www.pmo.gov.my>). Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kemudian dilaksanakan dan disusuli dengan Perintah Pergerakan Pemulihan (PKPP) akhirnya membolehkan sedikit demi sedikit aktiviti perniagaan beroperasi seperti biasa namun perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Dalam masa yang sama, bagi tujuan memastikan kelangsungan bekalan makanan untuk rakyat ketika pandemik Covid-19, wujud persoalan adakah pesaing industri dibenarkan menjalinkan kerjasama dalam menentukan kuantiti bekalan makanan di pasaran dan sama ada terdapat kelonggaran penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan di Malaysia ketika pandemik Covid-19. Berdasarkan pada persoalan tersebut, kertas kerja ini akan membincangkan tentang pelaksanaan Undang-Undang Persaingan di Malaysia ketika pandemik Covid-19 yang meliputi perkara berkaitan hubungkait Undang-Undang Persaingan dan pandemik Covid-19, Undang-Undang Persaingan di Malaysia seperti perincian berkaitan Akta 712, larangan yang terkandung di dalam Akta 712, kesan pelanggaran Akta 712, pengecualian sektoral dan pelepasan liabiliti. Isu berkaitan kedudukan pelaksanaan Undang-Undang Persaingan di Malaysia ketika pandemik Covid-19 turut dibincangkan dan diakhiri dengan kesimpulan di penghujung penulisan kertas kerja ini.

## **2. Hubungkait Undang-Undang Persaingan dan Pandemik Covid-19**

Persaingan merupakan situasi di mana perniagaan bersaing satu sama lain atau antara pesaing dalam bidang komersial. Undang-Undang Persaingan merupakan kaedah yang digunakan untuk mencegah firma atau perusahaan daripada menjejaskan pengguna melalui pengurangan pengeluaran barangan, menaikkan harga barang, menyekat inovasi dan membataskan pilihan pengguna (R. Whish & D. Bailey, 2015). Dengan kata lain, faedah persaingan terhadap pengguna adalah harga yang lebih rendah dan produk yang lebih baik di pasaran serta pilihan produk yang lebih variasi untuk pengguna (Buttigieg, 2009). Persaingan juga dikatakan menghasilkan kesan dinamik dalam merangsang inovasi, terutama di pasaran teknologi tinggi kerana pesaing perlu berusaha untuk menghasilkan produk baru yang lebih baik untuk pengguna (R. Whish & D. Bailey, 2015). Atas dasar ini, maka Undang-Undang Persaingan bermatlamat untuk memaksimumkan kesejahteraan pengguna yang dianggap sebagai salah satu objektif utama di kebanyakan negara termasuk Malaysia.

Sejajar dengan matlamat Undang-Undang Persaingan yang berhasrat memelihara kebajikan dan kesejahteraan pengguna, maka pakatan di kalangan firma atau perusahaan yang bertujuan untuk menghadkan pengeluaran barangan, menaikkan harga barangan atau perkhidmatan dan berkongsi pasaran merupakan larangan utama dalam Undang-Undang Persaingan. Namun begitu, dalam keadaan pandemik Covid-19 melanda dunia, penutupan sektor perniagaan tertentu akan

menjejaskan pengguna terutama sekali dalam memastikan bekalan barangan runcit sentiasa ada di pasaran bagi menampung keperluan harian mereka.

Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) menyatakan kesan jangka pendek wabak tersebut terhadap tingkah laku firma iaitu penetapan harga eksploitatif dan juga kerjasama di kalangan pesaing firma. Menurut OECD, Covid-19 telah menyebabkan peningkatan permintaan terhadap produk tertentu yang mengakibatkan kesulitan dalam pengeluaran atau pengedaran produk yang akhirnya menyebabkan kekurangan produk tertentu dalam pasaran. Walaupun beberapa perubahan dalam tingkah laku firma dapat dijelaskan oleh firma atas alasan menyesuaikan strategi komersial mereka dengan keadaan pasaran baru, ia memerlukan pemantauan ketat oleh pihak berkuasa persaingan agar penetapan harga eksploitatif tidak berlaku (<https://read.oecd-ilibrary.org/>).

Selain itu, terdapat kecenderungan kewujudan kerjasama di kalangan pesaing firma dalam pengeluaran barangan atau pengedaran barang-barang penting bagi tujuan rantai makanan atau produk keperluan utama. Kerjasama ini mungkin diperlukan semasa krisis untuk meningkatkan pengeluaran produk tertentu atau menyelaraskan beberapa perkhidmatan penting. Tidak dapat dinafikan bahawa kerjasama antara pesaing sememangnya dapat meningkatkan kesejahteraan pengguna dengan menyediakan lebih banyak produk untuk manfaat pengguna, namun pihak berkuasa persaingan harus memastikan bahawa kerjasama tersebut tidak melampaui batasan sehingga menyebabkan penetapan harga. Selain itu, pihak berkuasa persaingan juga harus memastikan bahawa kerjasama jangka pendek tidak berlanjutan lebih lama daripada yang diperlukan untuk mengatasi krisis (<https://read.oecd-ilibrary.org/>).

### **3. Undang-Undang Persaingan di Malaysia**

Sebagai salah sebuah negara anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Undang-Undang Persaingan Malaysia juga dipengaruhi oleh latar belakang ASEAN. Bagi menjadikan ASEAN sebuah rantau yang kompetitif, para pemimpin ASEAN telah bersetuju untuk mewujudkan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang menjadi matlamat penyatuan ekonomi serantau menjelang 2020. Ini dipersetujui semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) yang diadakan pada bulan Ogos 2006 di Kuala Lumpur, Malaysia. Di antara tujuan AEC adalah untuk mewujudkan satu pasaran serantau untuk mendorong ASEAN menjadi lebih dinamik dan berdaya saing. Bersandarkan pada matlamat tersebut, *ASEAN Experts Group on Competition* (AEGC) telah ditubuhkan pada tahun 2007 semasa Mesyuarat yang ke-39 Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Filipina pada 24 Ogos 2007. Objektif utama AEGC adalah untuk mempromosikan pertukaran maklumat, pengalaman dan kerjasama mengenai dasar persaingan di rantau ini. Ia berfungsi sebagai forum serantau untuk perbincangan di antara negara-negara anggota ASEAN mengenai hal-hal yang berkaitan dengan persaingan, mengenal pasti amalan

terbaik dalam undang-undang persaingan di antara negara-negara anggota ASEAN dan untuk membantu mereka dalam memperkasa Undang-Undang Persaingan melalui pelbagai program advokasi (Haliza & Nazura, 2017).

Di peringkat nasional pula, pengenalan Undang-Undang Persaingan telah dibuat dalam sektor komunikasi dan tenaga sejak tahun 1990-an lagi namun Undang-Undang Persaingan yang terpakai untuk semua sektor ekonomi masih lagi tiada. Ini telah dinyatakan oleh YB Menteri semasa pembentangan Rang Undang-Undang Persaingan 2010 pada bacaan kali kedua dan ketiga di Dewan Rakyat:

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia kini mempunyai perundangan undang-undang berkenaan amalan anti persaingan dalam bidang-bidang khusus seperti tenaga dan komunikasi, tetapi tidak ada sesuatu undang-undang persaingan yang menyeluruh bagi semua sektor (Dewan Rakyat, 2010: 128).

Menurut YB Menteri lagi, penggubalan rang Undang-Undang Persaingan dibuat bagi tujuan kepentingan negara dan ia tidak sama sekali digubal berdasarkan gesaan dari mana-mana pihak luar terutama sekali dari negara maju. Memandangkan telah terdapat lebih daripada 105 buah negara yang telah menguatkuasakan undang-undang tersebut, maka rang Undang-Undang Persaingan Malaysia telah digubal dengan mengambil kira amalan-amalan terbaik di peringkat antarabangsa bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan serta mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak yang terlibat contohnya, syarikat kerajaan dan swasta serta pengguna. Selain itu, faktor Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang kecil juga di ambil kira semasa penggubalan rang undang-undang tersebut (Dewan Rakyat, 2010 :128-129). Justeru, Akta 712 telah di perkenalkan pada Jun 2010 dan berkuatkuasa pada tahun 2012.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pula telah diwujudkan dan menjadi badan yang bertanggung jawab untuk melaksanakan peruntukan Akta 712. MyCC juga terlibat dalam penganjuran seminar berkaitan persaingan yang menjadikannya sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran Undang-Undang Persaingan di kalangan orang awam terutama sekali ahli perniagaan. Di samping itu, MyCC juga diberi mandat untuk terlibat dalam mengemukakan syor bagi pembaharuan Undang-Undang Persaingan sekiranya perlu, sebagai contoh mengeluarkan garis panduan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam Akta 712 di samping menjalankan kajian am berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan Undang-Undang Persaingan. Perkara ini juga disebut dengan jelas di dalam seksyen 16 Akta 712.

Sehingga kini, MyCC telah menjalankan fungsinya sebagai badan pengawal selia Undang-Undang Persaingan di Malaysia dan telah menguatkuasakan Akta 712. MyCC juga telah mengenakan penalti kewangan terhadap beberapa sektor perniagaan yang didapati melanggar larangan di dalam Akta 712. Di antara sektor perniagaan tersebut ialah sektor penerbangan, pengeluaran ais, Persatuan Bakeri dan Persatuan Bakeri Sibu dan perkhidmatan insurans (<https://www.mycc.gov.my>). Kesemua kes tersebut melibatkan pelanggaran berkaitan perjanjian antipersaingan (penetapan harga) manakala kes Cameron Highland Floriculturist Association (CHFA) (No. Kes: MyCC/0003/2012(ACA)) merupakan kes terawal berkaitan perjanjian antipersaingan yang tidak dikenakan penalti kewangan oleh MyCC kerana pada waktu tersebut Akta 712 masih agak baru diperkenalkan di Malaysia.

Bagi tujuan perincian pelaksanaan peruntukkan dalam Akta 712, MyCC telah mengeluarkan beberapa garis panduan seperti berikut: Garis Panduan Bab 1 Larangan: Perjanjian AntiPersaingan, Garis Panduan Bab 2 Larangan: Penyalahgunaan Kedudukan Dominan, Garis Panduan Penalti Kewangan, Garis Panduan Definisi Pasaran, Garis Panduan Rejim Kelonggaran, Garis Panduan Prosedur Aduan dan Garis Panduan Hak Harta Intelek dan Undang-Undang Persaingan (<https://www.mycc.gov.my>).

### **3.1 Akta Persaingan 2010 (Akta 712)**

Akta 712 telah diwujudkan pada tahun 2010 yang bertujuan untuk mempromosikan pembangunan ekonomi dan melindungi proses persaingan. Akta 712 mengandungi 67 peruntukkan yang dibahagikan pada 6 bahagian yang meliputi perkara-perkara berikut; Bahagian I-permulaan, Bahagian II-amalan antipersaingan, Bahagian III-penyiasatan dan penguatkuasaan, Bahagian IV-Keputusan Suruhanjaya, Bahagian V-Tribunal Rayuan Persaingan dan Bahagian VI-perkara am.

Akta 712 juga menetapkan bahawa ia terpakai pada semua aktiviti komersial, namun tidak termasuk aktiviti komersial yang secara langsung atau tidak langsung dalam penjalanan kuasa kerajaan, aktiviti komersial yang dijalankan berasaskan prinsip perpaduan dan aktiviti komersial yang melibatkan pembelian barang atau perkhidmatan yang bukan bagi maksud untuk menawarkan barangan atau perkhidmatan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti ekonomi. Perkara ini diperuntukkan dengan jelas dalam seksyen 3(1) dan seksyen 3(4) Akta 712.

#### **3.1.1 Larangan di dalam Akta 712**

Akta 712 melarang perusahaan memasuki perjanjian antipersaingan dan menyalahguna kedudukan dominan. Seksyen 4(1) Akta 712 memperuntukkan tentang larangan terhadap perjanjian antipersaingan seperti berikut:

Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau

mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Seksyen 4(2) Akta 712 pula memperuntukkan bahawa sekiranya perjanjian mendarat mempunyai matlamat seperti a) penetapan harga, b) berkongsi pasaran atau punca bekalan, (c) menghadkan atau mengawal pengeluaran, capaian pasaran, pembangunan teknikal atau teknologi atau pelaburan atau (d) tipuan bida, maka perjanjian tersebut disifatkan mempunyai matlamat menghalang persaingan secara signifikan dalam pasaran barangan atau perkhidmatan.

Seksyen 10 Akta 712 menjelaskan tentang larangan berkaitan dengan penyalahgunaan kedudukan dominan. Menurut seksyen 2 Akta 712, maksud kedudukan dominan ialah “suatu keadaan yang dalamnya satu perusahaan atau lebih mempunyai kuasa yang signifikan dalam suatu pasaran untuk melaraskan harga atau output atau terma perdagangan, tanpa kekangan yang berkesan daripada pesaing atau pesaing berpotensi.” Oleh itu, bagi mendapatkan kepastian tentang kewujudan penyalahgunaan kedudukan dominan, terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi, iaitu; sesuatu perusahaan hendaklah berada pada kedudukan dominan dalam pasaran dan kedua, perusahaan yang berada pada kedudukan dominan tersebut menyalahgunakan kedudukan dominan (Massimo Motta, 2007).

Beberapa perlakuan yang dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan juga di senaraikan di bawah Akta 712 melalui seksyen 10(2) (a)-(g) iaitu, mengenakan jualan tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan, menghadkan pengeluaran, pasaran, pembangunan teknologi atau pelaburan sehingga memudaratkan pengguna, enggan memberi bekalan kepada sesuatu perusahaan atau kelompok perusahaan tertentu serta mengenakan syarat tambahan yang tidak berkaitan dengan kontrak jualan ke atas pembeli apabila pembeli membeli produk daripada penjual.

### 3.1.2 Kesan Pelanggaran Akta 712

Pelanggaran Akta 712 berkaitan perjanjian antipersaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan boleh menyebabkan penalti kewangan dikenakan oleh MyCC terhadap pihak yang didapati bersalah. Menurut Seksyen 40 Akta 712, ia memperuntukkan bahawa dalam kes di mana terdapat pelanggaran, Suruhanjaya Persaingan,

- (a) hendaklah menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta;
- (b) boleh menyatakan langkah-langkah dikehendaki supaya perlu diambil oleh perusahaan yang melanggar, yang pada hemat Suruhanjaya adalah sesuai bagi menghentikan pelanggaran itu;
- (c) boleh mengenakan penalti kewangan; atau
- (d) boleh memberikan apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.

### 3.1.3 Pengecualian sektoral

Pengecualian daripada pemakaian Akta 712 ialah situasi di mana sektor komersial tertentu dikecualikan daripada penguatkuasaan Akta 712. Pengecualian biasanya diberikan untuk amalan antipersaingan berdasarkan aktiviti ekonomi atau syarat tertentu di bawah klausa tertentu. Beberapa manfaat pengecualian yang dapat dikenalpasti ialah kerana ia dapat digunakan untuk menetapkan peraturan persaingan yang adil yang disesuaikan dengan keadaan ekonomi sektor atau industri tersebut (Angyar, 2015). Selain itu, pengecualian sektoral juga digunakan untuk melindungi aktiviti kerajaan yang tergolong dalam Dasar Ekonomi Baru pada waktu itu yang bermatlamat untuk melindungi kepentingan Bumiputera (Nasarudin & Hanif, 2016). Oleh yang demikian, pengecualian dalam konteks Undang-Undang Persaingan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti latar belakang sejarah, budaya dan politik yang berperanan dalam evolusi undang-undang persaingan bagi memudahkan memudahkan pengecualian tertentu diberikan (Angyar, 2015).

Di Malaysia misalnya, aktiviti komersial tertentu dikecualikan dari penguatkuasaan Akta 712 kerana aktiviti komersial tersebut telah diatur oleh undang-undang tertentu. Ini dapat dilihat melalui seksyen 3(3) Akta 712 yang menetapkan bahawa ia tidak terpakai untuk aktiviti komersial yang disenaraikan dalam Jadual Pertama. Jadual Pertama Akta 712 memperuntukkan sektor berikut sebagai dikecualikan daripada pemakaian Akta 712 iaitu; sektor komunikasi, sektor tenaga, sektor petroleum dan juga sektor penerbangan. Ini disebabkan masing-masing telah mempunyai peruntukkan khusus berkaitan persaingan di bawah undang-undang masing-masing iaitu Akta 588 untuk sektor komunikasi, Akta 610 untuk sektor tenaga, Akta 144 untuk sektor petroleum dan Akta 771 untuk sektor penerbangan.

#### 3.1.4 Pelepasan Liabiliti

Pelepasan liabiliti diberikan pada perjanjian antipersaingan yang dapat memberikan manfaat bagi pengguna apabila dilaksanakan dengan syarat perjanjian antipersaingan tersebut memenuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh Akta 712. Seksyen 5 Akta 712 menyenaraikan kriteria yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu perjanjian antipersaingan boleh diteruskan tanpa dikenakan penalti oleh pihak MyCC. Pelepasan liabiliti di bawah Seksyen 5 Akta 712 akan diberikan sekiranya suatu pihak yang didapati bersalah dibawah peruntukan yang terkandung dalam Seksyen 4 Akta 712 berjaya memenuhi empat syarat kumulatif berikut:

- (a) perjanjian tersebut mempunyai faedah signifikan yang dikenalpasti dari segi teknologi, kecekapan atau sosial;
- (b) manfaat tidak boleh semunasabahnya disediakan tanpa apa-apa sekatan
- (c) kesan buruk perjanjian anti-persaingan itu adalah berkadar dengan faedah dan
- (d) amalan sekatan tersebut tidak membawa kepada penghapusan lengkap persaingan dari segi barang-barang atau perkhidmatan.

Namun begitu terdapat satu lagi keperluan tambahan yang perlu dipenuhi sebelum mendapatkan pelepasan di bawah seksyen 5 Akta 712, iaitu pihak berkenaan perlu membuktikan bahawa faedah yang disebut dalam seksyen 5 tersebut adalah untuk pengguna. Pelepasan liabiliti boleh diberikan sama ada secara individu atau blok. Ini dijelaskan dalam seksyen 6 bagi pengecualian individu manakala peruntukkan berkaitan pelepasan secara blok ialah dalam seksyen 8 Akta 712. Pengecualian blok ialah satu keadaan di mana industri-industri tertentu diberi pengecualian daripada peruntukan Akta 712 walaupun industri tersebut merupakan pihak kepada perjanjian yang bersifat antipersaingan. Dalam keadaan di mana sesuatu industri gagal memperolehi pengecualian blok, alternatif lain ialah memohon pengecualian individu daripada MyCC. Setakat ini, MyCC telah memberikan pengecualian blok untuk Perjanjian Perkongsian Vesel berkenaan dengan Perkhidmatan Pelayaran Tetap Melalui Pengangkutan Laut 2019. Perintah ini telah diwartakan dan berkuatkuasa dari 7 Julai 2019 sehingga Julai 2022 (<https://www.mycc.gov.my/>).

#### **4. Penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan semasa pandemik Covid-19**

Di peringkat ASEAN, AEGC akur dengan situasi semasa pandemik Covid-19 di seluruh dunia dan juga gangguan dalam rantai perniagaan akibat Covid-19 misalnya, penutupan sektor ekonomi tertentu dan tekanan kewangan di kalangan pengusaha perniagaan. Walaupun begitu, AEGC menggesa pengusaha perniagaan untuk terus mematuhi Undang-Undang Persaingan. Ini disuarakan dengan jelas dalam perenggan 5, Pernyataan Bersama AEGC Berkaitan Pandemik Covid-19 bertarikh 9 Jun 2020 seperti berikut:

*5. The AEGC calls on all business sectors to continue to comply with competition law despite the current economic downturn.*

Menurut AEGC lagi, penguatkuasa Undang-Undang Persaingan di setiap negara anggota ASEAN tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap perusahaan yang mengambil kesempatan ketika pandemik dengan tingkah laku eksploitatif yang menjadikannya penyalahgunaan kedudukan dominan. Dalam masa yang sama, AEGC menasihatkan perusahaan untuk mengadakan konsultasi dengan pihak berkuasa persaingan masing-masing bagi mendapatkan nasihat dan pemahaman lebih lanjut berkaitan aktiviti komersial untuk mengurangkan ketidakpastian berkaitan aktiviti yang dijalankan demi memastikan ia tidak bertentangan dengan Undang-Undang Persaingan tempatan. Ini juga telah diperjelaskan oleh AEGC dalam Pernyataan Bersama tersebut dalam perenggan 6 dan 7. Memandangkan Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota ASEAN, pendekatan yang sama juga diambil oleh pihak berkuasa persaingan Malaysia berhubung dengan perkara ini. Dalam erti kata lain, sekiranya perusahaan berhasrat untuk mendapatkan pelepasan liabiliti, perusahaan perlu memastikan syarat yang terkandung di dalam seksyen 5 Akta 712 dipenuhi.



Berbeza dengan pelaksanaan Undang-Undang Persaingan di negara maju, misalnya United Kingdom, kelonggaran diberikan pada perusahaan yang menjalankan aktiviti komersial barangan runcit semasa pandemik Covid-19. Menurut laporan media, kerajaan United Kingdom mengambil keputusan untuk melonggarkan penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan untuk membolehkan pesaing bekerjasama membantu memastikan bekalan makanan untuk rakyat tidak terjejas semasa pandemik Covid-19. Menurut laporan media lagi, pasar raya dibenarkan untuk bekerjasama dalam perkara berkaitan perkongsian depot pengedaran bekalan stok makanan dan van penghantaran serta berkongsi data berkaitan stok di antara satu sama lain (<https://www.theguardian.com> ).

Lanjutan dari pengumuman tersebut, satu perintah telah dibentangkan di Parlimen United Kingdom yang dikenali sebagai “The Competition Act 1998 (Groceries) (Coronavirus) (Public Policy Exclusion) Order 2020”. Perintah Akta Persaingan 1998 telah dipersetujui memandangkan terdapat sebab-sebab yang luar biasa dan berkepentingan dasar awam mengapa larangan yang terkandung dalam Bab I Akta Persaingan 1998 (larangan perjanjian antipersaingan) tidak patut terpakai dalam tempoh pandemik Covid-19. Menurut perintah tersebut, ia berkuatkuasa pada hari selepas hari ia dibentangkan di Parlimen United Kingdom dan berakhir apabila Setiausaha Negara menganggap bahawa tidak ada lagi gangguan yang signifikan atau ancaman gangguan yang signifikan terhadap pembekalan bahan runcit kepada pengguna di United Kingdom yang disebabkan oleh sebab berkaitan dengan Covid-19. Namun begitu, Perintah tersebut hanya terpakai untuk sektor ekonomi yang menjalankan perniagaan barangan runcit sahaja, misalnya, makanan, ubat, makanan haiwan peliharaan, minuman (alkohol dan bukan alkohol), produk pembersihan, peralatan mandian dan barangan rumah, pakaian, produk *DIY*, perkhidmatan kewangan, surat khabar, majalah, kad ucapan, CD, DVD, pita video dan audio, mainan, tanaman, bunga, minyak wangi, kosmetik, peralatan elektrik, perkakasan dapur, peralatan berkebun, buku, tembakau dan produk tembakau.

## **5. Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, Undang-Undang Persaingan di Malaysia dikuatkuasakan seperti biasa mengikut Akta 712 walaupun ketika pandemik Covid-19. Ini dapat dilihat melalui kenyataan media yang dibuat oleh AEGC di peringkat ASEAN yang mengatakan bahawa Undang-Undang Persaingan perlu dipatuhi walaupun ketika pandemik Covid-19 dan sebarang kemusykilan dan penjelasan berkaitan aktiviti komersial yang dijalankan sewaktu pandemik Covid-19 boleh dirujuk pada pihak berkuasa persaingan yang berkaitan. Dalam konteks Malaysia, sekiranya perusahaan berhasrat untuk mendapatkan pengecualian, perusahaan hendaklah memastikan bahawa ia tergolong dalam sektor yang dikecualikan dalam Jadual Pertama, Akta 712. Sekiranya perusahaan tersebut tidak disenaraikan dalam Jadual Pertama, maka, perusahaan boleh memohon pelepasan liabiliti melalui seksyen 5 Akta 712 sekiranya memenuhi kriteria yang ditetapkan. Dalam keadaan di mana perusahaan tidak disenaraikan dalam Jadual Pertama dan tidak memenuhi seksyen 5 Akta

712, maka perusahaan hendaklah memastikan bahawa ia tidak terlibat dengan perjanjian antipersaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan untuk mengelakkan daripada dikenakan penalti oleh MyCC di bawah seksyen 40 Akta 712. MyCC yang bertindak sebagai pihak berkuasa persaingan juga boleh dijadikan rujukan oleh perusahaan selain daripada pelbagai maklumat bertulis dalam bentuk garis panduan juga boleh diguna pakai oleh para peniaga dalam memastikan aktiviti komersial yang dijalankan mematuhi Undang-Undang Persaingan sedia ada.

## 6. Rujukan

Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Akta Polis 1967 (Akta 344).

Angayar Kanni Ramaiah, 2015. Competition Law and Exemption Policy in Malaysia: When, Why and Why Not? *International Journal of Business, Economics and Law*. 8(4): 80-87.

Cameron Highland Floriculturist Association (CHFA) (No. Kes: MyCC/0003/2012(ACA)), <https://www.mycc.gov.my/> akses 20 Mac 2021.

E. Buttigieg, 2009. *Competition Law: Safeguarding the Consumer Interest*. Great Britain: Kluwer Law International.

Haliza A. Shukor & Nazura Abdul Manap, Contribution of Asean Towards the Growth of Competition Law Development in Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017*(INSAN2017) Ayer Keroh, Malacca, Malaysia, 1–2 November 2017).

Joint Statement by the ASESAN Experts Group on Competition (AEGC) in Response to the Coronavirus Disease (Covid-19) Pandemic (9 June 2020), <https://www.asean-competition.org/>, akses 20 Mac 2021.

Massimo Motta. 2007. *Competition Policy, Theory and Practice*. New York: Cambridge University Press.

Nasaruddin Abdul Rahman & Haniff Ahamat. 2016. *Competition Law in Malaysia*. Selangor: Sweet & Maxwell.

OECD competition policy responses to COVID-19, <https://read.oecd-ilibrary.org/>, akses 20 Mac 2021.

Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat 20.4.2010, <http://www.parlimen.gov.my/hansard-dewan-rakyat.html?uweb=dr>.

Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19–16 Mac 2020, <https://www.pmo.gov.my>, akses 20 Mac 2021

R. Whish & D. Bailey. 2015. *Competition Law*. Eighth Edn. United Kingdom: Oxford University Press.

The Competition Act 1998 (Groceries) (Coronavirus) (Public Policy Exclusion) Order 2020, <https://www.legislation.gov.uk/> ,akses 20 Mac 2021.

UK relaxes trading rules so food stores can work together, <https://www.theguardian.com>,\_akses 20 Mac 2021.

WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19 - 11 March 2020, <https://www.who.int/director-general>, akses 22 Mac 2021.